



<b>Publication</b>	Utusan TV	<b>Section / Page</b>	Online	<b>Date</b>	28/10/2021
<b>Headline</b>	Takaful Malaysia Lancar Pelan Takaful myClick Motor FlexiSaver				

SYARIKAT Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia), melancarkan secara maya Takaful myClick Motor FlexiSaver, pelan takaful motor flexi pertama negara dengan perlindungan harian Pay As You Drive.

Pelancaran pelan takaful anjuran bersama Takaful Malaysia dan rakan teknologi, Fusionex disempurnakan oleh Pengerusi Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Datuk Mohammed Hussein.

Mohammed berkata, pelancaran Takaful myClick Motor FlexiSaver menandakan komitmen teguh Takaful Malaysia untuk mendorong inovasi produk dan memberikan nilai unggul kepada pelanggan.

“Pelan perlindungan yang fleksibel adalah masa depan kepada sektor insurans dan takaful dengan produk insurans dan takaful ditawarkan di ruang mobiliti baru yang mudah, fleksibel dan berdasarkan penggunaan merevolusikan industri.

“Ini bermakna, pengguna mempunyai pilihan untuk membuat keputusan dan membayar hanya perlindungan yang mereka perlukan, apabila perlu.

“Dengan lebih ramai orang yang kurang memandu hari ini atau sesetengah mungkin menghadapi masalah kewangan impak daripada pandemik Covid-19, Takaful myClick Motor FlexiSaver adalah pilihan terbaik.

“Pelan ini bersesuaian dengan keperluan kewangan serta memberi perlindungan bagi mereka yang jarang memandu atau memiliki beberapa kereta dan penjimatan terhadap pelan insurans atau takaful motor,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Mohammed berkata, perlindungan harian Pay As You Drive yang terdapat di bawah pelan ini sangat sesuai dan bermanfaat.

“Kami memberi pelanggan fleksibiliti untuk mengaktifkannya sehari sebelum mereka ingin memandu dan dikenakan bayaran hanya pada hari-hari yang mereka memandu sahaja.

“Cukup untuk saya katakan bahawa Takaful myClick Motor FlexiSaver ini adalah ialah kemenangan mudah untuk pelanggan menikmati penjimatan yang hebat dan ketenangan fikiran apabila mereka memandu,” katanya lagi.

Takaful myClick Motor FlexiSaver adalah pelan takaful motor dalam talian yang menyediakan perlindungan setahun untuk kehilangan atau kerosakan pada kenderaan anda akibat kebakaran atau kecurian, serta kecederaan anggota badan, kematian atau kerosakan harta benda pihak ketiga.

Produk itu ditawarkan melalui portal jualan dalam talian Takaful Malaysia dan aplikasi mudah alih Click for Cover.

Pelan tersebut turut menyediakan program bantuan bahu jalan 24 jam untuk khidmat tunda kerosakan tanpa had dan pembaikan kecil di bahu jalan, termasuk penukaran tayar, penghantaran bahan api, penukaran bateri dan jump start.

Menampilkan perlindungan harian Pay As You Drive untuk kerosakan kemalangan pada kenderaan anda dan perlindungan kemalangan peribadi percuma sebanyak RM15,000 untuk pemandu dan semua penumpang serta khidmat tunda kemalangan.

Takaful myClick Motor FlexiSaver juga menawarkan pilihan perlindungan tambahan untuk cermin depan, kemalangan peribadi, dan penggantian kunci.

Pelanggan juga akan terus mendapat potongan diskaun 10 peratus apabila memohon pelan asas Takaful myClick Motor FlexiSaver, dan apabila mengaktifkan perlindungan harian Pay As You Drive.

